

**Untuk Siaran Segera**

## **Peringkat Akhir Pencarian Bintang LUMIX Panasonic 2009**

*Lahirnya Bintang Baru Panasonic*

**Kuala Lumpur, 3 Oktober 2009** – Selepas lebih dari dua bulan berlansungsunya pertandingan ini, pemilihan 12 peserta dari pertandingan Pencarian Bintang LUMIX Panasonic 2009 telah diputuskan. 12 finalis ini akan berada di pentas pada Peringkat Akhir Pencarian Bintang LUMIX Panasonic 2009 untuk menentukan pemenang yang akan mewakili jenama LUMIX di Malaysia.

“Kami amat gembira kerana menerima respon yang baik dari orang ramai untuk pencarian sulung wajah Panasonic LUMIX Star Search. Pertandingan ini yang telah berlangsung pada bulan Julai, telah menarik beratus penyertaan. 40 finalis telah terpilih dalam peringkat suku akhir pertandingan ini, tetapi melalui sesi uji bakat, 20 semi-finalis telah terpilih. 12 finalis pula dipilih berdasarkan keputusan dari undian ‘online’ orang ramai melalui kelab LUMIX di [www.facebook.com/mylumixclub](http://www.facebook.com/mylumixclub)” kata Tony Endoh, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia

Peringkat Akhir Pencarian Bintang LUMIX 2009 membariskan juri - Taisu of Taisu & Team, Beatrice Looi, pereka fesyen tempatan terkenal, Tony Endoh, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia, Simon Tan, Ketua Pengarang Velocity Media dan Joannabelle Ng, (Ms. Malaysia / Universe 2009).

“Finalis akan diadili dengan beberapa kriteria – Aksi-aksi, Ekspresi, *Runway Walk*, Bentuk Badan dan Penyampaian Ucapan. Kami berharap untuk menobatkan wanita yang mempunyai personaliti menarik dan bersemangat yang mencerminkan pengalaman LUMIX sebenar,” tambah Tony Endoh

Pemenang Pencarian Bintang LUMIX Panasonic 2009 akan memenangi kontrak selama setahun dengan Panasonic Malaysia, Kamera Digital dengan Lensa Mudah Tukar LUMIX DMC-G1, wang tunai RM 1,000.00, e-baucar dari Panasonic Malaysia Direct bernilai RM1,000.000, Gambar muka depan dan enam muka surat editorial dalam majalah T3 Malaysia disamping lawatan ke luar negara bersama Panasonic Malaysia dan hadiah-hadiah lain yang menarik. Jumlah hadiah yang disediakan untuk pertandingan bernilai lebih dari RM 100,000.00

Sempena dengan Peringkat Akhir, pertandingan fotografi juga akan diadakan untuk orang ramai dan jurugambar untuk mengambil bahagian. Hadiah utama untuk pertandingan ini ialah Kamera Digital dengan Lensa Mudah Tukar LUMIX DMC-G1 dan e-baucar bernilai RM 1,000. Pengguna kamera LUMIX juga akan diberi ekstra e-baucar bernilai RM 500.00, jika mereka memenangi pertandingan ini.

Penganjur bersama untuk Pencarian Bintang LUMIX Panasonic 2009 adalah: Penganjur bersama dengan Pertunjukan DCIM (DCIM Show) ; dan penganjur utama adalah Dandan rambut dan Solekan oleh Taisu; Couture oleh Beatrice Looi; Fotografi dan Studio oleh Velocity Studios.

### **Tentang Pertunjukan Kamera Digital, Imej dan (DCIM Show)**

Pertunjukan DCIM merupakan pakar pameran fotografi dan pengimejan yang unggul di Malaysia. Dengan kejayaan menganjurkan pameran fotografi yang menarik pada tahun ini, Pertunjukan DCIM sedang membina nama untuk menjadi pameran fotografi dan pengimejan terbesar di rantau menjelang 2010.

**Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd**

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web [www.panasonic.com.my](http://www.panasonic.com.my) atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada [www.pmpressroom.com](http://www.pmpressroom.com)

Perhubungan Media:           Azizah Wahid  
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat Penjenamaan  
Tel: 03 7809 7876 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730  
Emel: [azizah.wahid@my.panasonic.com](mailto:azizah.wahid@my.panasonic.com)

Simone Pan  
Executive, Corporate Communications & Branding  
Tel: 03 7809 7874 Fax: 03 7955 1857 Mobile: 012 6945966  
Email: [simone.pan@my.panasonic.com](mailto:simone.pan@my.panasonic.com)

###

## **Profil 12 Finalis Terakhir LUMIX Star Search**

Felixia Yeap, 23

Susah untuk dibayangkan Felixia pernah menjadi seorang pengawas sekolah. Dia juga banyak menulis berbagai jenis sajak sejak berumur 14 tahun. Dia juga gemar mengumpul pakaian dalam dan kasut bertumit tinggi. Dia juga mengemari bidang lumba kereta.

Stephinie Tan, 24

Merupakan bekas pramugari, Stephinie kini merupakan seorang pengacara dan model separuh masa. Nama beliau, Stephinie, yang dieja dengan 'i' daripada kebiasaannya 'a' adalah dari kesilapan pendaftar kelahiran. Dia juga mengemari bidang sukan luar yang lain.

Elaine Tang, 22

Pelajar kolej yang mengambil diploma dalam bidang Multimedia Design, Elaine juga penggemar permainan komputer. Dibesarkan dengan ramai lelaki dirumahnya, tidak terkeut jika dia tidak takut kepada serangga dan binatang yang eksotik. Elaine juga membela 'sugar gliders'.

Lince Chong, 22

Lince merupakan model separuh masa. Dia gemar membaca dan meluangkan masa mencari buku di kedai. Dia juga gemar mengembara.

Shirley Yong, 17

Hanya berumur 17 tahun, Shirley merupakan peserta yang termuda dalam Panasonic LUMIX Star Search 2009. Dia gemar menonton filem. Dia akan mengambil peperiksaan SPM pada hujung tahun ini.

Lai Yee Yee, 17

Seorang lagi peserta termuda di dalam pertandingan ini, Yee Yee, suka menyanyi dan menari. Dia juga gemar bila orang mengambil gambarnya. Selain dari itu, Yee Yee juga suka mengumpul Hello Kitty.

Eva Loke, 20

Eva merupakan seorang pelajar yang mengambil bidang Mass Communications di kolej sekitar negara. Eva boleh bermain dengan yo-yo Cina, merupakan bakat yang jarang boleh didapati.

Frances Mak, 19

Kini mengambil ijazah dalam bidang akaun dan kewangan, Frances gemar menyanyi; pusat karaoke merupakan tempat yang selalu dikunjungi jika ada masa lapang. Dia pernah meluangkan masa selama tujuh jam dengan berkaraoke.

Crystel Eve, 21

Merupakan peserta dengan ejaan nama yang panjang didalam pertandingan, nama penuhnya mempunyai 34 huruf! Crystel Eve Huminodun William Majinbon. Gadis dari Sabah ini gemar menonton filem seram.

Kimberley Hiu, 23

Pemegang ijazah dalam Perdagangan, Kewangan dan Marketing, Kimberley adalah seseorang yang mengemari sukan luar dengan renang menjadi satu daripada banyak kepentingannya. Dia juga terhadap seni dan kraf, bermain tenis dan membuat kek.

Giselle Chia, 22

Giselle adalah seorang graduan baru. Satu kehairahan yang benar dalam hidupnya adalah mengumpul kasut. Koleksi peribadinya, di pengiraan terakhir, beliau mempunyai lebih daripada 200 pasang kasut.

Eleen Yong, 23

Peserta paling tinggi dalam pertandingan itu pada ketinggian 178cm, Eleen merupakan pemegang ijazah dalam bidang akaun. Dia suka bermain bola tampar dan piano. Gadis yang berbakat besar ini mempunyai cita-cita yang besar iaitu ingin berjaya dalam bidang model.

###